

SEJARAH JALUR GEMILANG

1 MEI 1948

Pertandingan reka cipta Bendera Persekutuan Tanah Melayu diadakan

Seramai 373 karyawan mengambil bahagian dalam pertandingan itu

2 15 NOVEMBER 1949

Hanya tiga reka bentuk dipilih ke peringkat akhir

3 22 DAN 23 FEBRUARI 1950

Mesyuarat Majlis Raja-Raja perkenan dan memilih reka bentuk ciptaan arkitek Jabatan Kerja Raya Negeri Johor, Mohamed Hamzah



4 26 MEI 1950

Julung kali bendera Persekutuan Tanah Melayu dikibarkan di hadapan Istana Sultan Selangor di Kuala Lumpur



Bendera Persekutuan Tanah Melayu

11 Jalur

11 Bucu pada bintang

5 31 OGOS 1957

Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan dan dikibarkan secara rasmi di Padang Kelab Selangor bersama nyanyian Lagu Negaraku

6 16 SEPTEMBER 1963

Bendera Malaysia berkibar dan pertambahan 14 jalur dengan penyertaan Sabah, Sarawak serta Singapura dalam Malaysia

7 1965

Singapura keluar daripada Malaysia dan jalur 14 masih kekal hingga kini

8 30 OGOS 1997


Perdana Menteri keempat, Datuk Seri (kini Tun) Dr Mahathir Mohamad mengumumkan nama bendera Malaysia sebagai Jalur Gemilang di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur

Jalur Gemilang mewakili keanggotaan 13 negeri manakala satu jalur mewakili Kerajaan Persekutuan

BENDERA BIASA

- Panjang : 183 sentimeter (cm)
- Lebar : 91.5cm

Dikibarkan di bangunan, pejabat dan kediaman



MAKSUD NAMA JALUR GEMILANG

JALUR

Melambangkan satu haluan yang lurus, hala tuju dan arah sama diikuti rakyat negara ini dalam menuju kegemilangan bangsa serta negara

GEMILANG

Bermaksud cahaya terang benderang dan cemerlang

BAHAGIAN BENDERA

- Lebar
- Panjang
- Bahagian biru tua
- Bahagian atas
- Bahagian bawah
- Kepala
- Ekor

AKTA MELINDUNGI PENGGUNAAN JALUR GEMILANG

- Seksyen 3 Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) 1963
- Akta Lambang Kebangsaan (Kawalan Mempamer) 1949

1906

Anak muda lulusan pengajian tinggi di Timur Tengah memulakan kebangkitan nasionalisme

1922

Tokoh Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak iaitu Zaaba, Abdul Hadi Hassan dan Harun Muhammad Amin memainkan peranan menamatkan semangat kebangsaan dalam kalangan guru Melayu

1937-1938

Tokoh pelajar, Ibrahim Yaakob dan Ishak Muhammad menguasai akhbar Majlis di Kuala Lumpur serta menubuhkan Kesatuan Melayu Muda (KMM)



1941

Seramai 200 ahli KMM ditangkap kerana dikatakan bersubahat dengan Jepun



BENDERA RUMAH

- Panjang : 122cm
- Lebar : 61cm


Dikibarkan di rumah dan pejabat dengan ketinggian tiang terhad



BENDERA SEDANG

- Panjang : 244cm
- Lebar : 122cm

Digunakan sebagai penutup keranda tanda penghormatan negara



BENDERA BESAR

- Panjang : 366cm
- Lebar : 183cm

Dikibarkan di Kedutaan Malaysia di luar negara



Megah dengan *METRO* ALHAB. 29/08

JALUR GEMILANG

Bendera ialah lambang kedaulatan sesebuah negara yang berkait rapat dengan semangat patriotik dalam mempertahankan maruah agama, bangsa dan negara.

Selain itu, ia juga simbol kepimpinan, penghormatan, martabat dan kewarganegaraan.

Setiap negara memiliki

bendera sebagai tanda kewujudan mereka.

Di Malaysia, bendera rasmi ialah Jalur Gemilang yang begitu menyeral auranya apabila dikibar megah

selama sebulan sepanjang Bulan Kemerdekaan.

Kibarannya menyemarakkan lagi semangat kemerdekaan dalam kalangan rakyat Malaysia dan menjadikan sambutan ulang tahun peristiwa bersejarah Malaysia itu lebih bermakna.



FAKTA JALUR GEMILANG



BULAN SABIT

Melambangkan Islam sebagai agama rasmi bagi Persekutuan dan negara



BIRU TUA

Melambangkan perpaduan rakyat dalam negara berbilang kaum



KUNING

Pada bulan dan bintang melambangkan kedaulatan raja berperlembagaan



JALUR PUTIH

Melambangkan kesucian, keikhlasan dan kesungguhan



JALUR MERAH

Bukti keberanian dan kesiapsiagaan dalam menghadapi pelbagai rintangan serta cabaran



BINTANG PECAH 14

Melambangkan jumlah 13 negeri dan Wilayah Persekutuan

GARIS MASA 31 OGOS 1957


1946

Malayan Union diperkenalkan



1948

Malayan Union dibubarkan dan Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan pada 1 Februari.



1951

Tunku Abdul Rahman mengambil alih pucuk pimpinan Umno



1954

Perarakan kemerdekaan oleh Umno dan MCA di Kuala Lumpur

Tunku Abdul Rahman bersama rombongan berlepas ke London bagi menuntut kemerdekaan tetapi gagal



18 JANUARI 1956


Rombongan rundingan kedua kemerdekaan berlepas ke London



BENDERA MEJA

- Panjang : 30.5cm
- Lebar : 15.25cm

Disangkut pada tiang bendera mini di atas meja untuk persidangan, seminar, mesyuarat dan majlis menandatangani perjanjian



BENDERA KERETA

- Panjang : 30.5cm
- Lebar : 15.25cm

Dipasang di bahagian hadapan kereta, tengah, sebelah kanan atau kiri



BENDERA PERLU DIKIBARKAN SECARA TERTIB SEBAGAI LAMBANG KEBESARAN DAN KEDAULATAN NEGARA SEMASA MENAIKKAN ATAU MENURUNKANNYA

TEMPAT PEMASANGAN BENDERA

- Kediaman/kedutaan
- Bangunan (di luar, di dalam dan di atas)
- Pejabat
- Kapal/feri/bot
- Kereta
- Kapal terbang


WAKTU BENDERA DIKIBAR

- Dikibarkan pada hari pejabat biasa dan hari kebesaran Persekutuan dan Negeri (Surat Pekeliling Am Bil 3 Tahun 1994)
- Hari Ulang Tahun Keputeraan Rasmi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
- Hari Kebangsaan
- Lawatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke negeri-negeri

8/2021 MIS 24 } 25

CARA MENGHORMATI BENDERA SEBAGAI LAMBANG KEBESARAN DAN KEDAULATAN NEGARA

- A Orang awam yang memakai baju Melayu dan bersongkok**
Berdiri tegak dengan kedua-dua tapak tangan diluruskan ke bawah
- B Orang awam memakai pakaian lain**
Berdiri tegak dengan kedua-dua tangan diluruskan ke bawah
- C Orang awam memakai topi**
Mesti buka topi dan diletakkan ke dada sebelah kiri



GARIS PANDUAN PENGGUNAAN JALUR GEMILANG



Dipasang secara melintang sahaja



Elakkan penggunaan bendera dijadikan pakaian dan sebagainya kecuali ketika Bulan Kemerdekaan



Elakkan dijadikan alas meja, kain tudung, topi dan tuala mandi kerana boleh ditafsir seperti merendahkan martabat Jalur Gemilang



Penggunaan bendera dalam pelbagai bentuk dan gaya bagi mempromosikan sambutan Bulan Kemerdekaan dibenarkan



Satu kesalahan mengibarkan Jalur Gemilang koyak atau pudar warna

TANDA BERKABUNG

Bendera dikibarkan separuh tiang sebagai tanda berkabung kerana:

- Kemangkatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong
- Kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Raja Permaisuri
- Kematian Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri dan isteri
- Kematian Perdana Menteri dan Pemangku Perdana Menteri



TANDA MENGHORMATI JENAZAH

Bendera boleh digunakan untuk menutup keranda di dalam Istiadat Pengebumian Negara kepada individu yang berjasa kepada negara termasuk:

- Duta Malaysia meninggal di luar negara
- Tentera dan polis yang meninggal dunia semasa bertugas
- Membawa pulang rakyat Malaysia yang meninggal di luar negara



Bendera pudar warna dan koyak tidak boleh dibuang ke dalam tong sampah

CARA MELUPUSKAN JALUR GEMILANG



Dilupuskan dengan sopan seperti dibakar secara tertutup

8 FEBRUARI 1956

Tunku Abd Rahman menandatangani perjanjian kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dengan Setiausaha Tanah Jajahan British, Alan Lennox Boyd di Lancaster House, London



20 FEBRUARI 1956

Tunku Abdul Rahman dan rombongan pulang dari London serta mengisytiharkan tarikh kemerdekaan Tanah Melayu



1957

Raja-Raja Melayu meluluskan draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu



30 OGOS 1957

Tunku Abdul Rahman merasmikan Stadium Merdeka



31 OGOS 1957

Bendera Union Jack diturunkan dan bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan tepat jam 12 tengah malam

Perisytiharan kemerdekaan di Stadium Merdeka

